

**Terma-terma dan Syarat-syarat Pembiayaan ASB-i Hong Leong**

Setelah Bank meluluskan Pembiayaan ASB-i ("Kemudahan") dan Para Pelanggan menerima terma-terma Kemudahan seperti yang dinyatakan dalam Notis Pembayaran (seperti yang ditakrifkan di sini), Para Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kemudahan ("Terma dan Syarat") dan sebarang penambahan atau pindaan yang mungkin dibuat kepadanya oleh Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

**Konsep Kemudahan dan Kaedah Pembiayaan**

Kemudahan ini adalah berdasarkan prinsip Syariah yang dikenali sebagai Murabahah melalui Tawarruq dan selaras dengan prosedur pembiayaan pihak Bank dan setelah pihak Bank meluluskan permohonan ini, pihak Bank akan menjual aset dan/atau komoditi ("Aset") kepunyaan pihak Bank pada harga jualan yang dipersetujui yang merangkumi jumlah pembiayaan yang dimohon oleh Para Pelanggan dan diluluskan oleh pihak Bank yang juga merupakan kos mendapatkan Aset tersebut ("Jumlah Kemudahan") dan kadar keuntungan yang mewakili jumlah keuntungan yang pihak Bank ("Harga Jualan") ke atas bayaran tertanggung yang dipersetujui kepada Para Pelanggan dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat yang terkandung di sini. Dagangan ini hendaklah dibuktikan melalui sijil elektronik (atau apa-apa bukti lain mengenai pemilikan).

Berdasarkan surat agensi yang akan ditandatangani oleh pihak Para Pelanggan di Bahagian V seperti yang ditakrifkan di sini ("Surat Agensi"), pihak Bank berhak, sebagai agen untuk dan bagi pihak Para Pelanggan, menjual Aset tersebut kepada mana-mana pihak ketiga pada harga yang dipersetujui yang bersamaan dengan nilai Jumlah Kemudahan secara bayaran tunai, dan hasil bayaran tersebut akan dibayar kepada pihak Para Pelanggan berdasarkan kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini.

**1. Jumlah Kemudahan**

Jumlah Kemudahan adalah jumlah pembiayaan yang diluluskan oleh pihak Bank dan dimaklumkan kepada Para pelanggan secara bertulis ("Notis Pembayaran") dan/atau dalam apa jua cara yang dianggap wajar oleh pihak Bank, di mana jumlah tersebut tidak boleh melebihi jumlah yang dipohon oleh Para Pelanggan dalam borang permohonan ("Borang Permohonan").

Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Para Pelanggan dengan ini memberi kebenaran and membenarkan pihak Bank untuk:

- i) menyemak kelayakan Pelanggan untuk membeli unit-unit Amanah Saham Bumpitua ("ASB") / Amanah Saham Bumiputera 2 ("ASB 2") daripada Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") bagi pihak Para Pelanggan;
- ii) setelah mendapat kelulusan daripada pihak Bank bagi Kemudahan, membeli unit-unit ASB/ASB 2 daripada ASNB bagi pihak Para Pelanggan;
- iii) Pembelian Unit ASB/ASB2 adalah tertakluk kepada ketersediaan dana.

**2. Aset**

- a) Aset adalah dalam bentuk apa-apa komoditi yang berlandaskan Syariah yang akan diniagakan di bawah Kemudahan ini hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah pihak Bank;
- b) Dagangan ini dibuat keatas platform perdagangan komoditi yang membolehkan transaksi Tawarruq dijalankan dan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah pihak Bank;
- c) Pihak Bank adalah pemilik di sisi undang-undang dan/atau pemilik benefisial Aset tanpa bebanan tersebut sebelum penjualan Aset kepada pihak Para Pelanggan;
- d) Sekiranya Bank diperlu untuk melaksanakan semula Jualan Aset (Jualan), hasil dari jualan yang terlebih dahulu akan digunakan untuk membayar semua jumlah yang pada masa itu tertunggak dan matang kepada Bank. Bank akan memberi rebat kepada penyelesaian jualan sebelumnya dan obligasi di bawah jualan sebelumnya tersebut dianggap selesai.
- e) Sejurus selepas Kemudahan ini ditandatangani oleh pihak Bank, hak-milik undang-undang dan/atau hak-milik benefisial, pemunyaan, hak-hak, risiko dan kepentingan berkaitan dengan Aset tersebut akan dipindah-milik dengan serta-merta kepada pihak Para Pelanggan dan pihak Bank akan dengan serta-merta membolehkan pihak Para Pelanggan mengambil milikan ke atas Aset tersebut. Kedua-dua belah pihak bersetuju bahawa Aset tersebut dijual atas dasar "keadaan yang seadanya" serta bebas dari sebarang bebanan, cagaran, lien dan/atau apa jua sekatan dan tanpa sebarang representasi atau waranti yang berkenaan dengannya.

**3. Tujuan Kemudahan**

Kemudahan Pembiayaan ASB boleh digunakan untuk membiayai pembelian unit ASB / ASB2 (100% Margin Pembiayaan), dengan pilihan untuk membiayai yang berikut sehingga 5% daripada jumlah pembiayaan unit ASB / ASB 2:

- a) Takaful Berjangka Berkurangan ASB (ARTT);
- b) Perkhidmatan Menulis Wasiat; dan atau
- c) Caj Duti Setem

**4. Takaful Berjangka Berkurangan ASB (ARTT)**

Perlindungan Takaful Berjangka Berkurangan ASB (ARTT) ditawarkan atas dasar pilihan dan boleh dibiayai sebagai sebahagian daripada Kemudahan ini untuk membantu menyelesaikan bayaran pembiayaan Kemudahan ini sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD).

- a) Bank boleh atas budi bicaranya membiayai sumbangan takaful yang kena dibayar untuk Sijil ARTT tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - i. ARTT mesti diambil dari pengendali takaful yang dilantik oleh Bank;
  - ii. hanya sumbangan takaful asas untuk ARTT yang akan dibiayai;
  - iii. anda mesti memberikan semua hak, hakmilik, faedah dan manfaat di bawah Sijil ARTT kepada Bank dan dengan Bank yang dinamakan sebagai benefisiari tunggal;
- b) Di mana ARTT tidak dibiayai oleh Bank, anda boleh mengambil ARTT daripada mana-mana pengendali takaful pilihan anda. Bank akan dinamakan sebagai benefisiari tunggal di bawah ARTT yang dibeli oleh anda. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan sumbangan takaful dibayar kepada pengendali takaful untuk melaksanakan ARTT.
- c) Jumlah dilindungi berkurangan yang dinyatakan dalam Sijil Dasar Takaful yang dikeluarkan oleh pengendali takaful yang dilantik oleh Bank akan dibayar untuk mengimbangi pembiayaan yang belum dijelaskan dengan Bank pada masa Kematian / Hilang Upaya Menyeluruh (TPD). Sebarang lebih akan dibayar kepada anda, jika anda masih hidup, atau penama, jika tidak.
- d) Sekiranya anda mungkin mana-mana terma Kemudahan atau tanggungan Ansuran sekurang-kurangnya dua (2) bulan, sijil ARTT boleh ditamatkan oleh Bank dan Bank berhak untuk menuntut nilai serahan atas permintaan sijil tersebut.

**5. Unit ASB/ASB2 sebagai Cagaran**

Pemohon Utama dengan ini mencagarkan dengan Bank unit-unit ASB/ASB 2 daripada ASNB seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ini atau sebarang bilangan lain unit-unit ASB/ASB 2 yang berhak dibeli oleh Pemohon Utama seperti yang ditetapkan oleh ASNB (mengikut keadaan), sebagai cagaran berterusan bagi pembayaran, apabila dituntut, semua dan/atau sebarang liabiliti Pelanggan dengan Bank sama ada pada masa ini atau tertunggak selepas ini termasuk keuntungan dan semua caj lain sehingga tarikh pembayaran. Semasa Kemudahan berkuatkuasa dan sepanjang suatu tempoh selepas itu sehingga keseluruhan Kemudahan dijelaskan dengan sepenuhnya, unit-unit ASB/ASB 2 tidak boleh ditarik balik atau diserahkan hak atau dipindahkan dan amanah tidak boleh diwujudkan terhadapnya dan apa-apa hak tidak boleh diwujudkan terhadapnya memihak kepada atau diberikan kepada mana-mana pihak. Bank boleh menurut budi bicara mutlaknya menghendaki Pemohon Utama melakukan apa-apa tindakan atau perkara yang boleh menyempurnakan apa-apa borang atau dokumen, notis, pengindoran bagi tujuan menyempurnakan cagaran terhadap unit-unit ASB/ASB 2 dan Pemohon Utama hendaklah bertindak/melakukan perkara yang dikehendaki dalam tempoh yang ditetapkan oleh Bank. Pemohon Utama hendaklah pada semua masa tidak mengambil atau abai mengambil sebarang tindakan yang mana tindakan atau keabaiannya ini boleh menjejaskan dengan material atau dengan mudarat atau boleh mengurangkan nilai unit-unit ASB/ASB 2 atau yang mungkin menyebabkan sebarang perubahan atau penjejakan Terma dan Syarat ini atau sebarang hak yang diwujudkan di dalam ini.

**6. Harga Jualan Bank**

- a) Harga Jualan Bank adalah jumlah yang sama dengan agregat:-
  - i. Jumlah Kemudahan; dan
  - ii. Jumlah Keuntungan dimana ianya dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling (CPR)
 Tanpa mengambilkira perkara diatas, Jumlah Keuntungan Harga Jualan Bank yang perlu dibayar oleh Para Pemohon akan dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (ER). Perbezaan diantara Jumlah Keuntungan yang dikira berdasarkan CPR dan EPR akan diketepikan oleh pihak Bank melalui Rebat (Ibra') seperti yang dinyatakan disini.
- b) CPR dan EPR akan dinyatakan dalam notis pembayaran. Sekiranya berlaku sebarang perubahan pada Kadar Asas Islamik (IBR) pada bila-bila masa sepanjang tempoh pembiayaan, EPR akan diubah sewajarnya dengan syarat EPR tidak boleh melebihi CPR.
- c) Meskipun terdapat syarat-syarat lain dalam pembiayaan ini, kadar keuntungan efektif yang dikenakan oleh bank dari semasa ke semasa adalah tidak boleh kurang dari 0.00% dan bank juga boleh menerapkan ICOF sebagai Kadar Rujukan.

ICOF adalah merupakan kos kepada pihak Bank dalam memberikan pembiayaan daripada sumber-sumber yang ditentukan mengikut budi bicara oleh pihak Bank termasuklah kos bagi mengekalkan rizab statutori, keperluan kecairan kewangan, kos pentadbiran, dan lain-lain kos yang berkaitan kepada Bank seperti yang dinyatakan dari semasa ke semasa.

Kadar Keuntungan Efektif (EPR) minimum yang terpakai bagi Kemudahan tidak boleh kurang daripada 1.70% setahun yang dikira harian atau apa-apa kadar minimum lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

**7. Fi dan Perbelanjaan**

- a) Pihak Para Pelanggan hendaklah membayar Bank semua kos, caj dan perbelanjaan termasuk yuran guaman, duti setem (termasuk lain-lain tugas dan cukai dan penalti yang serupa) yang ditanggung oleh Bank berkaitan dengan penyediaan, penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak Bank berkaitan dengan Kemudahan.

- b) Untuk tujuan itu, Pihak Para Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit akaun Pihak Para Pelanggan yang dikendalikan dengan Bank apabila diperlukan.
- c) Fi lien Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) akan dikenakan dan dibayar kepada ASNB.
- d) Kesemua caj yang disebutkan di atas dan caj yang berkaitan dengan Kemudahan pada masa ini dan masa hadapan, yang perlu didapatkan semula oleh pihak bank melalui apa-apa proses undang-undang atau oleh peguam Bank, akan tanggung oleh pihak Para Pelanggan.

**8. Notis Pembayaran**

Apabila Bank menerima permohonan Pemohon Utama untuk Kemudahan (yang akan ditentukan mengikut budi bicara Bank), Bank akan menghantar kepada Pemohon Utama notis yang menyatakan Amaun Kemudahan yang diberikan, Harga Jualan Bank, unit ASB yang dicagarkan, CPR berkenaan, EPR dan Kadar Asas Islamik, jumlah ansuran dan tarikh pembayaran pertama ("Notis Pembayaran"). Notis Pembayaran adalah surat yang dijana oleh komputer dan memerlukan ditandatangani tetapi dianggap sebagai telah dikeluarkan oleh Bank. Pemohon Utama dikehendaki segera memaklumkan Bank secara bertulis tentang apa-apa kesilapan atau peninggalan atau sekiranya Pemohon Utama tidak ingin meneruskan dengan kemudahan itu, kegagalan Pemohon Utama berbuat demikian, Pemohon Utama dihalang daripada membuat sebarang tuntutan terhadap Bank. Sekiranya Pemohon Utama memberitahu Bank secara bertulis bahawa Pemohon Utama tidak ingin meneruskan Kemudahan tersebut, Pemohon Utama akan terus bertanggungjawab terhadap yuran sokongan dan duti setem yang berkaitan dengan Kemudahan.

**9. Akujanji Pembayaran**

- a) Pihak Para Pelanggan bersetuju dan berakujanji untuk membayar tepat pada masanya Harga Jualan mengikut terma pembayaran tertunggak dengan jumlah ansuran bulanan ("Jumlah Ansuran Bulanan") dan pada kadar keuntungan sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Pembayaran dan semua wang lain yang terhutang atau bayaran pada masa-masa yang ditetapkan.
- b) Jumlah Ansuran Bulanan yang pertama akan bermula pada tarikh seperti yang dinyatakan di dalam Notis Pembayaran dimana ia akan jatuh pada hari pertama pada bulan yang seterusnya selepas tarikh pembayaran Kemudahan, dan sebarang Jumlah Ansuran Bulanan yang kemudian hendaklah dibayar secara berturut-turut mengikut jarak masa tetap pada setiap satu (1) bulan sehingga jumlah penuh harga jualan dan segala jumlah terhutang yang lain dibayar sepenuhnya. Jumlah Ansuran Bulanan yang dibayar akan berdasarkan pada EPR ketika permulaan bayaran pertama. Jumlah ansuran akan berubah jika terdapat perubahan EPR akibat dari perubahan IBR. Sebarang perubahan IBR akan diberitahu kepada Para Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam klausa Notis dan Perundangan dibawah.
- c) Pihak Bank berhak membatalkan Kemudahan tersebut dan menuntut bayaran penuh baki Harga Jualan dan segala jumlah lain yang belum dibayar dan perlu dibayar di bawah Kemudahan tersebut berdasarkan budi bicara mutlak pihak Bank, apabila berlakunya sebarang kejadian keingkaran seperti yang dinyatakan dalam Klausa 13 Terma dan Syarat ini ("Kejadian Keingkaran").

**10. Caj Pampasan**

Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa Bank berhak untuk mengenakan Para Pelanggan caj pampasan (ta'widh) pada jumlah kerugian sebenar yang ditanggung oleh Bank akibat langsung kelewatan dalam pembayaran atau keingkaran oleh Para Pelanggan berdasarkan mekanisme berikut:

- a) Semasa Tempoh Kemudahan
  - i) bagi keingkaran mana-mana pembayaran semasa tempoh Kemudahan, pada kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia ke atas pembayaran tertunggak yang dijadualkan, dikira dari tarikh sejurus selepas tarikh keingkaran itu sehingga tarikh penerimaan pembayaran penuh;
  - ii) bagi keingkaran menyebabkan Kemudahan untuk ditamatkan atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh luput tempoh Kemudahan, pada kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atas baki tertunggak (baki tertunggak dan keuntungan terakru).
- b) Selepas tarikh luput atau tempoh matang Kemudahan bagi keingkaran mana-mana pembayaran melebihi tempoh Kemudahan, pada kadar yang tidak melebihi kadar semalaman harian Pasaran Wang antara Bank-Bank perbankan Islam ("IIMM") di Bank Negara Malaysia atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki tertunggak (baki tertunggak dan keuntungan terakru) Kemudahan tertakluk kepada mana-mana rebat (Ibra') yang berkenaan, dikira dari tarikh sejurus selepas tamat tempoh Kemudahan sehingga tarikh penerimaan pembayaran penuh.
- c) Setelah Penghakiman bagi keingkaran pembayaran Kemudahan dimana jumlah penghakiman telah diputuskan oleh mahkamah, pada kadar yang tidak melebihi kadar semalaman harian IIMM di Bank Negara Malaysia atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atas jumlah penghakiman asas

Kemudahan tertakluk kepada mana-mana rebat (Ibra') yang berkenaan dikira dari tarikh penghakiman sehingga jumlah penghakiman dijelaskan sepenuhnya.

Jumlah pampasan tidak boleh dikompaun dan kadar rujukan bagi kerugian sebenar hendaklah ditentukan pada titik keingkaran, dikira atas dasar harian dari tarikh perlu bayar.

**11. Cukai-cukai kerajaan dan/atau berkanun/dibawah kawalan untuk mengenakan caj, yuran dan lain-lain.**

- a) "Cukai" membawa maksud cukai yang dikenakan pada masa terkini atau masa yang akan datang, secara langsung atau tidak, di Malaysia atau di luar negara termasuk levi, impos, duti, upah, bayaran, potongan atau sebarang sekatan yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, termasuk, tanpa had, mana-mana cukai penggunaan seperti cukai barangan dan perkhidmatan ("GST") (jika berkenaan) dan cukai-cukai yang lain dan apa-apa faedah, denda atau penalti yang berkenaan. "Pihak Berkuasa Yang Berkenaan" bererti mana-mana kerajaan atau badan yang menguruskan hal-hal percukaian.
- b) Sebarang yuran perkhidmatan dan sebarang pembayaran yang kena dibayar oleh Para Pelanggan kepada pihak Bank dibawah Kemudahan termasuk sebarang jumlah yang mewakili pembayaran ganti untuk dibayar oleh Para Pelanggan kepada pihak Bank, adalah tidak termasuk Cukai dan perlu dijelaskan tanpa sebarang pengecualian, syarat dan tanpa sebarang potongan bagi sebarang jumlah tuntutan balas atau sebarang potongan atau sekatan.
- c) Pada sebarang masa dimana Para Pelanggan dituntut oleh undang-undang untuk membuat sebarang potongan atau menahan dari yuran perkhidmatan dan/atau semua wang lain yang kena dibayar kepada pihak Bank untuk Kemudahan berkaitan dengan Cukai atau sebaliknya, jumlah yang kena dibayar oleh Para Pelanggan dalam hal di mana potongan atau penahanan cukai diperlukan akan ditambah supaya yuran perkhidmatan dan/atau jumlah bersih wang yang diterima oleh pihak Bank kekal dengan apa yang pihak Bank sepatutnya menerima jika sebarang potongan atau pengecualian tidak dikenakan.
- d) Sebagai penambahan atas yuran perkhidmatan dan sebarang bayaran yang perlu dibayar, Para Pelanggan kena bayar kepada pihak Bank semua bayaran Cukai pada kadar terkini dan/atau jumlah yang ditentukan oleh pihak Bank untuk merangkumi sebarang pembayaran Cukai / liabiliti-liabiliti Cukai / kewajipan-kewajipan Cukai yang berhubung kait, tanpa sebarang penolakan, sekatan atau syarat-syarat dan tanpa apa-apa potongan untuk atau sebarang jumlah tuntutan balas atau apa-apa potongan atau pengecualian, selain sebarang Cukai-Cukai yang mungkin diperlukan di bawah sebarang undang-undang kena dibayar oleh Para Pelanggan secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, dimana Para Pelanggan akan membayar secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan.
- e) Jika pada bila-bila masa satu pelarasan dibuat atau dikehendaki untuk dibuat antara pihak Bank dan pihak berkuasa percukaian yang berkenaan bagi sebarang jumlah Cukai berkaitan sebarang bekalan yang telah berlangsung atau dinilai sebagai telah berlaku, yang berkaitan dengan Kemudahan daripada pihak Bank atau segala yang berkaitan dengannya, satu pelarasan, tertakluk pada budi bicara pihak Bank, boleh dibuat diantara pihak Bank dan Para Pelanggan dan pada keadaan sedemikian, sebarang pembayaran berkaitan pelarasan tersebut, haruslah dijelaskan sepenuhnya.
- f) Semua Cukai yang mesti dibayar oleh Para Pelanggan kepada pihak Bank seperti yang diperuntukkan disini adalah perlu dibayar di masa-masa sedemikian dan pada cara seperti diminta oleh pihak Bank.
- g) Para Pelanggan dengan ini bersetuju untuk memenuhi segala permintaan munasabah oleh pihak Bank bagi membantu pihak Bank dalam mematuhi dengan kewajipan-kewajipannya di bawah undang-undang percukaian yang berkaitan. Jika terdapat Cukai baru yang telah berkuatkuasa dan Cukai tersebut adalah diwajibkan untuk dikenakan terhadap sebarang urus niaga yang termaktub di dalam Kemudahan ini, Para Pelanggan bersetuju untuk memberi kerjasama dengan sepenuhnya kepada pihak Bank untuk pihak Bank mematuhi tanggungjawab pihak Bank dibawah undang-undang tersebut.
- h) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, kesemua pihak terbahit dengan ini bersetuju bahawa sebarang jumlah yang perlu dibayar atau jumlah yang digunakan untuk menentukan jumlah yang perlu dibayar berdasarkan Kemudahan ini telah ditentukan tanpa mengambil kira Cukai dan tidak termasuk jumlah-jumlah yang perlu ditambah di bawah klausa ini berkenaan dengan Cukai.

**12. Kiraan Keuntungan atas Kadar Harian**

Keuntungan yang dikenakan ke atas Kadar Keuntungan Efektif yang ditetapkan, mengikut keadaan yang semasa, haruslah dikira atas jumlah baki tertunggak harian yang dikira dari tarikh pelepasan pembiayaan berdasarkan kiraan 365-hari. Keuntungan akan didebitkan dari akaun anda pada akhir setiap bulan dan akan dibayar pada hari pertama bulan berikutnya. Tiada bayaran ansuran atau apa-apa bayaran lain yang telah dibayar kepada Bank ini akan dianggap sebagai bayaran jumlah prinsipal, sehinggalah kesemua keuntungan yang kena bayar dan perlu dibayar telah di bayar.

**13. Bayaran Dahulu**

- a) Apabila menerima sebarang pembayaran berkenaan dengan Kemudahan, Bank mempunyai budi bicara untuk menggunakan pembayaran tersebut untuk apa-apa hutang, Jumlah Ansuran Bulanan yang perlu dibayar dan caj tertunggak yang perlu dibayar yang lain (secara kolektif dipanggil "Pembayaran Tertunggak"). Lebihan, jika ada, akan dianggap sebagai bayaran dahulu ("Bayaran Dahulu") kecuali diarahkan sebaliknya Para Pelanggan sebagai penebusan Kemudahan atau prabayaran menurut Klausula 9 dibawah.

**14. Prabayaran**

Setiap pembayaran yang dibuat oleh Para Pelanggan akan dianggap sebagai pra pembayaran daripada Harga Jual Bank sekiranya:

- a) Pembayaran minima yang diterima oleh bank mestilah berjumlah tiga (3) Jumlah Ansuran Bulanan; dan
- b) Bank telah menerima notis bertulis (**Notis Prabayaran**) daripada Para Pelanggan bahawa Jumlah Ansuran Bulanan tersebut dianggap sebagai pra-bayaran. Sebarang Notis prabayaran yang diberi mengikut terma ini tidak boleh ditarik balik dan pelanggan akan membayar jumlah seperti yang diputuskan oleh Bank mengikut prinsip Syariah pada tarikh seperti yang tertulis di dalam Notis Prabayaran tersebut. Sebarang pembayaran awal tidak akan memberi kesan kepada ansuran bulanan yang dibayar. Setiap bayaran yang dibuat oleh pelanggan pada jumlah yang sama kurang daripada tiga (3) Jumlah Ansuran Bulanan akan dianggap sebagai pembayaran awal sahaja bukan prabayaran;
- c) Prabayaran hanya akan dibenarkan apabila berlaku pengeluaran sepenuhnya kemudahan tersebut;
- d) Prabayaran itu hendaklah menyebabkan pengurangan prinsipal tertunggak dan keuntungan yang dikira atas prinsipal yang dikurangkan.

**15. Penyelesaian Awal**

Para Pelanggan boleh pada bila-bila masa melaksanakan penyelesaian awal Kemudahan sepenuhnya dengan memberikan notis awal secara bertulis satu (1) bulan kepada pihak Bank.

**16. Rebat**

- a) Bank akan memberikan rebat kepada Para Pelanggan keatas Harga Jualan Bank dibawah prinsip Ibra' menurut formula yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM). Rebate (ibra') untuk penyelesaian awal ke atas baki keuntungan.
- b) Rebate akan diberikan kepada semua Para Pelanggan yang menyelesaikan baki Kemudahan mereka sebelum akhir tempoh Kemudahan. Penyelesaian sebelum akhir tempoh Kemudahan oleh Para Pelanggan adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada situasi berikut:
  - i) Para Pelanggan yang membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang timbul daripada prabayaran;
  - ii) Penyelesaian Kemudahan ini disebabkan penyusunan semula pembiayaan;
  - iii) Penyelesaian oleh Pelanggan dalam kes keingkaran; dan
  - iv) Penyelesaian oleh Para Pelanggan dimana berlakunya penamatan atau pembatalan Kemudahan ini sebelum tarikh akhir tempoh;
- c) Rebate akan diberikan dalam situasi berikut:
  - i) Untuk pembiayaan kadar berubah, rebate akan diberi sekiranya terdapat perbezaan antara jumlah untung yang dikira berdasarkan kontrak keuntungan (CPR) dan jumlah keuntungan menggunakan (EPR) kadar keuntungan efektif. Rebate akan diberi sekiranya jumlah keuntungan berdasarkan EPR adalah lebih rendah daripada keuntungan berdasarkan CPR.
- d) Rebate akan dikira seperti berikut: -  
 Rebate = Baki keuntungan belum dikira
- e) Rebate hanya akan diberikan setelah pihak Bank telah menerima jumlah penyelesaian/tebusan semula sepertimana yang telah ditetapkan.

**17. Perubahan Ansuran**

Tanpa mengambilkira peruntukan berkaitan pembayaran ansuran di atas, pihak Bank berhak untuk mengubah angka dan/atau Jumlah Ansuran Bulanan pada bila-bila masa atau dari masa ke semasa dan dalam bentuk yang dianggap wajar. Sebarang perubahan oleh pihak Bank akan dimaklumkan kepada Para Pelanggan secara bertulis. Walau bagaimanapun, variasi ini tidak akan melanggar Harga Jualan Bank.

**18. Kejadian Keingkaran**

Pihak Bank mempunyai hak untuk menamatkan Kemudahan ini dan menuntut pembayaran serta-merta Harga Jualan dan segala wang lain yang pada masa tersebut masih terhutang atau masih belum dijelaskan oleh pihak Para Pelanggan di sini yang mana, akan menjadi hutang tertunggak dengan serta-merta dan kena dibayar oleh pihak Para Pelanggan kepada pihak Bank dan pihak Bank mempunyai hak untuk mendapatkan kesemua jumlah yang tersebut bersama dengan kadar pampasan sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Klausula 6 di sini berserta dengan sebarang kos dan bayaran yang tertunggak, tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu atau mendapat persetujuan daripada pihak Para Pelanggan apabila berlakunya sebarang Kejadian Keingkaran seperti berikut:

- a) Jika Para Pelanggan gagal membuat bayaran untuk sebarang wang yang kena dibayar dan mesti bayar kepada pihak Bank atau ingkar atau gagal untuk melaksanakan sebarang tanggungjawabnya, perjanjian atau sebarang terma dan syarat di dalam Kemudahan ini;
- b) Jika Para Pelanggan gagal untuk membuat bayaran Jumlah Ansuran Bulanan dua (2) bulan berturut-turut;
- c) Sekiranya Para Pelanggan melakukan satu tindakan kebangkrutan atau memasuki mana-mana komposisi atau persetujuan dengan atau untuk memanfaatkan pemberi kredit Para Pelanggan;
- d) Sekiranya sebarang distres atau perlaksanaan dilevi atau dikuatkuasakan atas mana-mana hartanah Para Pelanggan;
- e) Sekiranya Para Pelanggan menjalankan mana-mana hukuman tahanan, menjadi tidak siaman, menjadi tidak upaya atau meninggal dunia;
- f) Sekiranya terdapat sebarang perubahan material terhadap keadaan kewangan Para Pelanggan yang dalam pendapat munasabah pihak Bank yang mungkin menjejaskan kemampuan Para Pelanggan untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap Kemudahan tersebut dan menjejaskan kedudukan pihak Bank dalam apa cara sekalipun;
- g) Sekiranya mana-mana representasi-representasi atau kenyataan-kenyataan adalah tidak tepat atau menjadi tidak tepat atau tidak dipatuhi;
- h) Sekiranya sebarang perubahan terhadap undang-undang atau peraturan terpakai menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang oleh pihak Bank untuk terus menyediakan Kemudahan tersebut kepada Para Pelanggan; atau
- i) Jika pihak Bank membuat keputusan menurut budi bicaranya bahawa penerusan Kemudahan atau mana-mana bahagiannya akan menjejaskan kedudukannya atau tidak diingini atau mengancam atau sebarang peristiwa atau pelbagai peristiwa yang sedang/telah berlaku atau situasi terwujud yang boleh atau mungkin menjejaskan Pelanggan untuk melaksanakan mana-mana terma Kemudahan ini.

Sekiranya berlaku sebarang Kejadian Keingkaran dan sekiranya Para Pelanggan gagal, mengabaikan dan/atau tidak membalas notis dan/atau komunikasi yang dikeluarkan oleh pihak Bank mengenai keingkaran Para Pelanggan bagi kemudahan ini, mengikut terma dan syarat ini, Para Pelanggan dengan ini bersetuju dan membenarkan pihak Bank, pegawai, kakitangan, wakil dan/atau ejennya untuk melawat mana-mana lokasi yang diketahui oleh pihak Bank dimana Para Pelanggan mungkin berada, termasuk tetapi tidak terhad kepada tempat kediaman dan/atau tempat bekerja/berniaga Para Pelanggan seperti mana yang dianggap perlu dan wajar oleh pihak Bank untuk tujuan mengekalkan dan/atau menguatkuasakan hak dan sekuriti pihak Bank di bawah terma dan syarat kemudahan ini.

**19. Pelupusan Unit ASB/ASB2 Yang Dicagar kepada Bank**

Pihak Bank merizab hak untuk dengan serta-merta melupuskan, menunaikan atau menjual unit-unit ASB/ASB2 yang dicagarkan kepada Bank, (tanpa sebarang notis lanjut kepada Pelanggan), sebagaimana yang dianggapnya wajar melalui ejennya yang dilantik atau mana-mana syarikat dalam Hong Leong Financial Group, syarikat induk Bank serta syarikat induk Hong Leong Bank Berhad, sekiranya Para Pelanggan memungkir apa-apa obligasi kepada Bank sama ada di bawah Kemudahan atau kemudahan lain dan/atau perjanjian dengan pihak Bank. Hasil penjualan akan dikreditkan untuk menyelaraskan dan/atau menyelesaikan libiliti Para Pelanggan dengan Bank. Apa-apa kekurangan dalam akaun hendaklah dijelaskan oleh Para Pelanggan. Di samping dan tanpa menjejaskan sebarang peruntukan di dalam ini, kuasa Bank termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kuasa:-

- a) untuk mengambil milikan, memungut dan mengambil unit-unit ASB/ASB2 atau mana-mana bahagian daripadanya;
- b) untuk menjual, bertukar, menukar menjadi wang atau melupuskan atau merealisasikan atau menyetujui penjualan, pertukaran, pertukaran menjadi wang atau pelupusan atau realisasi unit-unit ASB/ASB2 atau mana-mana bahagian daripadanya yang dianggap wajar oleh Bank sama ada melalui tawaran awam atau triti persendirian dan untuk sebarang balasan atau nilai dan berdasarkan sebarang terma yang boleh diputuskan oleh Bank menurut budi bicaranya;
- c) untuk melaksanakan atau menyebabkan atau membenarkan pelaksanaan semua kuasa atau hak yang sampingan kepada pemilikan unit-unit ASB/ASB2 atau mana-mana bahagian daripadanya;
- d) untuk menjelaskan, menyelaras, mengkompromi dan mengatur sebarang tuntutan/penyelesaian, akaun, pertikaian, soalan dan tuntutan yang dalam apa cara jua berkait dengan unit-unit ASB/ASB2 atau mana-mana bahagian daripadanya;
- e) untuk membawa, mendakwa, menguatkuasa, membela, dan/atau memberhentikan sebarang tindakan, guaman atau prosiding tentang apa-apa perkara atau terhadap mana-mana pihak yang berkaitan di sini seperti yang dianggap wajar dan perlu oleh Bank; dan

- f) untuk melakukan semua tindakan dan/atau perkara yang mungkin perlu atau diinginkan atau suai manfaat untuk merealisasikan unit-unit ASB/ASB2 dan penjelasan penuh semua liabiliti yang kena dijelaskan kepada Bank.

Para Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank terhadap semua tindakan, kerugian, tuntutan, prosiding, kos dan liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank (jika ada) untuk melaksanakan atau cuba melaksanakan sebarang hak, kuasa, remedi atau budi bicara yang diletak hak dengan Bank. Bank (termasuk wakil dan sub-wakilnya) tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan pun jua atau atas sebarang sebab pun jua kepada Para Pelanggan atau kepada mana-mana pihak atas sebarang kerugian atau kerosakan atau penurunan harga/nilai akibat Bank merealisasikan keseluruhan atau sebahagian daripada unit-unit ASB/ASB2 atau berikutan sebarang keingkaran atau keabaiannya oleh Bank berhubung dengan Unit ASB/ASB2 atau ekoran Bank melaksanakan atau tidak melaksanakan sebarang kuasa atau budi bicara yang diletak hak dalam Bank.

**20. Pembatalan**

Bank berhak mengkaji semula, membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kemudahan yang diluluskan atau dikeluarkan sekiranya berlaku keadaan yang memberi kesan kepada Para Pelanggan yang pada pendapat Bank mempunyai kesan buruk terhadap Para Pelanggan atau Bank.

**21. Kajian Semula**

Pihak Bank berhak untuk mengkaji semula Kemudahan pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa tanpa mengambil kira sama ada kejadian keingkaran telah berlaku. Apabila kajian semula tersebut dilakukan, tertakluk kepada peruntukan syariah, Bank berhak untuk mengubah terma dan syarat Kemudahan atau untuk membatalkan, menggantung atau menamatkan Kemudahan tersebut atau mana-mana bahagiannya. Dalam keadaan sedemikian, Para Pelanggan bersetuju untuk menerima keputusan itu dengan serta-merta dan membayar kepada Bank hutang yang kena dibayar dan tertunggak di bawah Kemudahan. Para Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak mempunyai kewajiban lanjut sama ada secara undang-undang atau ekuiti untuk membuat atau terus menyediakan Kemudahan kepada Para Pelanggan. Walau apa pun yang terkandung di dalam Terma dan Syarat ini, Kemudahan, apa-apa caj pampasan, kos dan fi yang kena dibayar hendaklah dibayar oleh Pelanggan apabila diminta oleh Bank.

**22. Penyerahan Hak**

Pihak Bank berhak untuk menyerahkan hak dan/atau memindahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian hak atau kewajiban pihak Bank di bawah Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberikan notis kepada Para Pelanggan.

**23. Notis dan Proses Perundangan**

Semua notis dan perhubungan yang akan diberi oleh pihak Bank seperti yang terkandung di sini termasuk sebarang tuntutan untuk bayaran wang yang perlu dijelaskan, tunggakan dan baki belum dibayar oleh Para Pelanggan akan dilakukan secara bertulis dan dikuatkuasakan melalui mana-mana cara berikut atau sebarang cara lain yang dianggap wajar oleh pihak Bank mengikut budi bicaranya:

- Serahan peribadi atau pos biasa ke alamat biasa atau tempat kediaman atau tempat perniagaan terakhir Para Pelanggan yang diketahui atau di alamat Pelanggan seperti dinyatakan dalam Borang Permohonan. Notis atau perhubungan akan dianggap telah diserahkan kepada Para Pelanggan (jika serahan kediri dilakukan) semasa serahan kediri dibuat atau sewaktu ia ditinggalkan di alamat tersebut, atau (jika dihantar melalui pos) empat puluh lapan (48) jam selepas pengeposan jika alamat adalah dalam bidang kuasa di mana Akau dibuka dan dikekalkan selama tujuh (7) Hari Perniagaan setelah pengeposan jika alamat adalah di tempat lain walaupun ia kemudiannya dikembalikan;
- Jika penghantaran adalah melalui transmisi faksimile, pada tarikh ia dihantar tertakluk kepada pengesahan bahawa transmisi untuk seluruh dokumen telah berjaya;
- Melalui notis awam dengan cara pengiklanan, notis telah dipaparkan di premis cawangan Bank atau di laman sesawang Bank dan notis tersebut akan dianggap telah berkuatkuasa dari tarikh notis tersebut itu boleh diperolehi atau tarikh seperti yang dinyatakan di dalam notis tersebut;
- Melalui alamat emel terakhir Para Pelanggan yang diketahui seperti yang didaftarkan dalam rekod pihak Bank. Sebarang notis yang dihantar melalui emel akan dianggap telah diterima oleh Para Pelanggan dua puluh empat (24) jam selepas emel dihantar; atau
- Melalui khidmat pesanan ringkas ("SMS") ke nombor telefon bimbit Para Pelanggan yang telah didaftar dalam rekod pihak Bank.

Para Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pihak Bank dimaklumkan tentang alamat dan butiran perhubungan terkini Para Pelanggan. Serahan untuk sebarang proses mahkamah akan berkuatkuasa apabila ia ditinggalkan atau dihantar ke alamat biasa atau tempat kediaman atau tempat perniagaan terakhir Para Pelanggan yang diketahui atau di alamat Para Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau boleh dikuatkuasakan mengikut sebarang cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

- 24. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") dan Garispanduan BNM Transaksi Kredit & Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkait untuk Bank-Bank Islam ("Garis Panduan")**  
Untuk membolehkan pihak Bank untuk mematuhi IFSA dan Garis Panduan tersebut, Para Pelanggan mesti mengisytiharkan kepada pihak Bank samaada Para Pelanggan adalah pihak yang berkaitan seperti yang dinyatakan di Garis Panduan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, isteri, anak, ibubapa atau tanggungan kewangan Pengarah, Pegawai Eksekutif pihak Bank atau pegawai kelulusan kredit/penilaian/kajian semula, atau dalam kes Para Pelanggan korporat/perniagaan, termasuk entiti yang dikawal oleh seseorang yang berkaitan.

Jika pada bila-bila masa Para Pelanggan menjadi seseorang yang berkaitan, Para Pelanggan mesti memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis dengan kadar segera. Bank mempunyai hak untuk menamatkan Kemudahan tersebut jika Para Pelanggan gagal untuk membuat pengisytiharan yang sewajarnya atau yang benar, yang mengakibatkan pihak Bank melanggar IFSA atau Garis Panduan tersebut.

**25. Hak untuk Mendedahkan Maklumat**

Sebagai tambahan kepada pendedahan yang dibenarkan seperti yang tertera di Jadual 11 IFSA, Para Pelanggan memberi kuasa dan membenarkan secara tidak boleh batal kepada pihak Bank, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan menyediakan semua maklumat berkaitan Kemudahan, Terma dan Syarat Kemudahan ini, akaun-akaun sedia ada dan akan datang yang dimiliki oleh Para Pelanggan dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan Para Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada:

- Institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang untuk memberi sebarang kemudahan kredit kepada Para Pelanggan, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Biro Maklumat Cek, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa berkaitan yang mungkin diberikuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau mana-mana pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh pihak Bank Negara Malaysia atau sebarang agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Institut Perbankan Islam Malaysia atau Persatuan Bank-bank Malaysia;
- Sebarang perbadanan semasa atau akan datang yang mungkin bersekutu atau berkait dengan pihak Bank dan Hong Leong Bank Berhad (sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Syarikat 2016), termasuk wakil dan pejabat cawangan serta wakil sah mereka, termasuk anak-anak syarikat kepada syarikat induk pihak Bank dan anak syarikat pada pihak syarikat induk Hong Leong Bank Berhad;
- Pihak Sekuriti atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan cagaran berkaitan dengan Kemudahan;
- Juruaudit pihak Bank, peguamcara dan/atau agen lain berhubung pengutipan wang yang terutang dan kena dibayar; dan
- Penasihat profesional, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk pihak Bank yang terlibat di dalam peruntukan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh pihak Bank dan syarikat bersekutu atau syarikat berkait.

Para Pelanggan dengan ini memberi kebenaran tidak boleh batal berhubung pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa pihak Bank, pegawai dan kakitangannya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas penyediaan maklumat tersebut atau untuk kan ke atas maklumat tersebut yang telah didedahkan berdasarkan Terma dan Syarat ini.

**26. Representasi dan Waranti pada Memproses Maklumat Peribadi**

Para Pelanggan dengan ini memberi representasi dan waranti bahawa Para Pelanggan telah mendapat persetujuan semua orang yang dinamakan dalam Borang Permohonan atau apa-apa dokumen lain yang dihantar kepada pihak Bank bagi menyokong permohonan itu dan/atau wakil yang diberi kuasa mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang saham, penandatanganan yang diberi kuasa atau mana-mana orang lain yang ditetapkan oleh pihak Bank ("**Subjek Data Yang Berkenaan**"), untuk pengumpulan, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi oleh pihak Bank daripada Subjek Data Yang Berkenaan mengikut Notis Privasi pihak Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

**27. Persetujuan untuk Memproses Maklumat Peribadi**

Para Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengizinkan dengan pemegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada pihak Bank oleh Para Pelanggan atau yang diperolehi oleh pihak Bank dari domain awam, serta data peribadi yang timbul akibat daripada penyediaan perkhidmatan kepada Para Pelanggan berkaitan dengan Kemudahan mengikut Notis Privasi pihak Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa. "**Notis Privasi**" bermakna dasar dan prinsip pihak Bank yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan entiti yang bakal berurusan dengan pihak Bank sebagaimana yang dipinda dari masa ke semasa dan boleh didapati di laman sesawang pihak Bank atau dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

**28. Penepian dan Kelonggaran**

Terma dan Syarat yang terkandung disini adalah untuk manfaat pihak Bank sahaja dan boleh diketepikan secara keseluruhan atau sebahagian oleh pihak Bank menurut budibicara pihak Bank dengan atau tanpa syarat, tanpa menjejaskan hak pihak Bank yang termaktub disini dan sebarang kegagalan pihak Bank untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukkan disini atau mana-mana pengekangan kelewatan atau kelonggaran yang diberikan oleh pihak Bank kepada Para Pelanggan tidak boleh ditafsirkan sebagai penepian hak pihak Bank di dalam ini.

**29. Tiada Tolak Selesai atau Tuntutan Balas oleh Pelanggan**

Para Pelanggan tidak berhak untuk menolak selesai atau membuat tuntutan balas sebarang jumlah yang terhutang atau dikatakan terhutang oleh pihak Bank kepada Para Pelanggan dari sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Para Pelanggan menurut Kemudahan ini. Para Pelanggan bersetuju bahawa tiada apa penetapan di antara pihak Bank dan Para Pelanggan dan/atau mana-mana pihak lain akan menjejaskan atau dianggap sebagai membentuk perjanjian tidak langsung yang menghadkan atau menyangkal sebarang lien, caj, jaminan, hak untuk tolak selesai atau hak lain yang pada bila-bila masa menjadi hak pihak Bank (sama ada secara pelaksanaan undang-undang, kontrak atau selainnya).

**30. Penolakan/Pengabungan Akaun**

Tanpa prasangka terhadap mana-mana remedi yang boleh dipilih oleh pihak Bank, pihak Bank boleh pada bila-bila masa atau dari masa ke semasa mengikut budibicaranya dengan memberikan notis kepada Para Pelanggan, menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana akaun atau akaun-akaun Para Pelanggan dalam apa jua bentuk (sama ada akaun semasa, deposit atau pembiayaan), dengan mana-mana cawangan pihak Bank dengan sebarang liabiliti Para Pelanggan (sama ada liabiliti tersebut adalah semasa, akan datang, sebenar, kontingen, utama, sampingan, kolateral, bercagar atau tanpa cagaran berasingan atau bersama) di bawah mana-mana akaun (sama ada akaun semasa, deposit atau pembiayaan (termasuk Kemudahan ini) atau kontrak atau sebagainya dengan pihak Bank, dan melunaskan atau memindahkan sebarang jumlah (sama ada di dalam matawang yang sama atau berbeza) terhadap jumlah kredit mana-mana akaun, perjanjian atau kontrak atau untuk menjelaskan mana-mana liabiliti Para Pelanggan kepada pihak Bank di bawah Kemudahan ini atau di bawah mana-mana akaun atau akaun-akaun dalam apa jua bentuk (sama ada akaun semasa, deposit atau pembiayaan), perjanjian atau kontrak atau sebagainya (sama ada liabiliti tersebut adalah semasa, akan datang, sebenar, kontingen, utama, sampingan, kolateral, bercagar atau tanpa cagaran, berasingan atau bersama) dan ianya adalah tertakluk kepada budibicara pihak Bank untuk meletakkan pegangan sementara ke atas mana-mana atau semua akaun-akaun Para Pelanggan semasa tempoh notis ini.

Selain itu, pihak Bank boleh, dengan memberi notis kepada Para Pelanggan, menjual sebarang cagaran atau harta persendirian Para Pelanggan yang dipegang oleh pihak Bank sebagai deposit atau sebagainya di lelongan awam atau jualan persendirian tanpa sebarang prosiding perundangan diperlukan dan menyimpan hasil jualan yang diperolehi dari jumlah seluruh yang belum dibayar termasuk tetapi tidak terhad kepada pampasan, caj-caj, kos dan fi.

**31. Arahan Tetap**

Para Pelanggan dengan ini memberi kebenaran kepada Bank dengan cara arahan tetap untuk mendebitkan daripada mana-mana akaun Para Pelanggan yang dibuka dan diselenggarakan dengan pihak Bank bagi tujuan pembayaran Jumlah Ansuran Bulanan.

**32. Perlantikan Agen**

Secara terperinci dan bukan mengurangkan hak-hak pihak Bank dibawah Kemudahan ini, pihak Bank akan mempunyai hak, atas budi bicara mutlak pihak Bank untuk melantik agen pilihannya untuk memungut semua dan sebarang jumlah yang terhutang untuk pihak Bank daripada Para Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini.

**33. Pengawasan Telefon dan Perakaman**

Pihak Bank berhak untuk memantau dan merakam untuk tujuan pihak Bank, sebarang panggilan yang dibuat dengan Para Pelanggan mengikut budi bicara mutlak pihak Bank tanpa sebarang notis kepada atau kebenaran lanjut daripada Para Pelanggan. Para Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank berhak untuk menggunakan rakaman dan transkrip tersebut sebagai bukti dalam mana-mana pertikaian.

**34. Pengesahan dan Jaminan**

Para Pelanggan dengan ini mengesahkan dan memberi jaminan kepada pihak Bank bahawa:-

- a) Para Pelanggan berkemampuan untuk melaksana, mematuhi dan menunaikan Terma dan Syarat yang terkandung di sini;
- b) Terma dan Syarat Kemudahan ini membentuk tanggungjawab perundangan yang sah dan mengikat dan boleh dikuatkuasakan ke atas Para Pelanggan;
- c) Semua tindakan, syarat, perkara, keizinan, persetujuan, kebenaran, kelulusan, lesen dan pengecualian yang perlu dilakukan, telah dilaksanakan, disediakan, dituai, dilakukan atau diperolehi untuk membolehkan Para Pelanggan dari segi undang-undang memasuki, melaksanakan dan melakukan hak dan tanggungjawab

Para Pelanggan yang terkandung di sini dan di bawah sebarang dokumen berkaitan yang dilaksanakan oleh Pelanggan, telah disempurnakan, dilaksanakan, disediakan, dipenuhi, dilakukan atau diperolehi dan berkuatkuasa sepenuhnya;

- d) Penerimaan Kemudahan ini dan pelaksanaan Terma dan Syarat yang terkandung di sini tidak akan menyalahi sebarang undang-undang, peraturan, arahan atau dekri mana-mana pihak berkuasa, badan, agensi dan mahkamah kerajaan yang mana Para Pelanggan tertakluk kepadanya;
- e) Maklumat yang disediakan oleh Para Pelanggan kepada pihak Bank berkaitan Terma dan Syarat dan Kemudahan ini adalah tepat, betul, benar dan lengkap dan tiada sebarang maklumat telah ketinggalan yang boleh menyebabkan maklumat tersebut menjadi tidak tepat, tidak betul, silap, salah dinyatakan, tidak benar, tidak lengkap atau mengelirukan dalam apa jua bentuk. Pelanggan akan memaklumkan dengan serta-merta secara bertulis kepada pihak Bank sekiranya maklumat yang dinyatakan tidak lagi benar dan/atau terdapat sebarang perubahan mengenainya;
- f) Para Pelanggan tidak mengingkari mana-mana perjanjian yang mana Para Pelanggan adalah salah satu pihak atau yang mana Para Pelanggan terikat kepadanya;
- g) Para Pelanggan bukan muflis dan tiada prosiding kebangkrapan, tindakan undang-undang, litigasi, arbitrase, pentadbiran, prosiding sivil atau jenayah sedang diambil, akan diambil atau diberi amaran akan diambil terhadap Pelanggan yang akan menjejaskan kemampuan Pelanggan untuk memenuhi tanggungjawab Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini;
- h) Para Pelanggan telah membaca dan memahami dokumen-dokumen berikut:-
  - i) Terma dan Syarat ini;
  - ii) Helaian Pendedahan Produk Pembiayaan ASB-i Hong Leong;
  - iii) Helaian Pendedahan Produk Takaful Berjangka Berkurangan ASB (ARTT), jika berkenaan;
  - iv) Penyata Pendedahan Risiko Pelaburan Dalam Unit Amanah Menerusi Pembiayaan oleh ASNBS; dan
  - v) Surat Akaun dan Pengesahan oleh ASNBS.

**35. Penggantungan Akaun**

Untuk membolehkan pihak Bank mengekalkan dan tidak menjejaskan liabiliti Para Pelanggan sebaik sahaja Perintah Penghukuman dan Perintah Penerimaan telah dibuat ke atas Para Pelanggan dan/atau perintah tersebut telah diwartakan untuk menunjukkan bahawa Para Pelanggan adalah seorang muflis atau atas apa jua sebab yang dianggap wajar oleh pihak Bank, pihak Bank boleh pada bila-bila masa dan tempat, menyimpan untuk suatu tempoh yang dianggap perlu oleh pihak Bank, sebarang wang yang diterima, dikutip atau diperolehi dari atau di bawah mana-mana sekuriti atau jaminan ke atas kredit dari akaun berasingan tanpa keuntungan di bawah nama Para Pelanggan sebagaimana dianggap wajar oleh pihak Bank tanpa sebarang tanggungjawab serta-merta dari pihak Bank untuk menguatkuasakan sepenuhnya atau sebahagiannya untuk melunaskan jumlah perlu dibayar dan terhutang kepada pihak Bank.

**36. Pengganti Terikat**

Kemudahan ini akan mengikat ke atas dan berkuatkuasa untuk manfaat pihak Bank dan Para Pelanggan dan harta pusaka, waris, wakil peribadi, pewaris hak, pengganti masing-masing dan mana-mana pihak lain yang buat masa tersebut memperoleh hak, sebagaimana mungkin, kecuali bahawa Para Pelanggan tidak boleh menggantikan hak atau tanggungjawabnya selaras dengan Terma dan Syarat ini.

**37. Tanggung Rugi**

Para Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi dan memberi pampasan tanggung rugi kepada pihak Bank dari dan terhadap kesemua tindakan, tuntutan, prosiding, kerugian, ganti rugi, kos, caj dan perbelanjaan dalam apa cara pun yang akan ditanggung oleh pihak Bank akibat dari menawarkan Kemudahan tersebut kepada Para Pelanggan. Walau apa pun mana-mana peruntukkan disini, sekiranya pihak Bank tidak berupaya menjalankan mana-mana operasi atau menawarkan mana-mana perkhidmatan akibat dari sebarang sebab yang melampaui kawalan pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, banjir, rusuhan, tindakan Tuhan, sebarang kegagalan atau gangguan komunikasi telefon, elektrik, air, bekalan minyak atau sebarang faktor dalam bentuk force majeure, pihak Bank tidak akan dalam apa cara sekalipun, dipertanggungjawabkan untuk sebarang kesukaran, kehilangan, kecederaan, ganti rugi yang dialami oleh Para Pelanggan akibat daripada mana-mana keadaan diatas.

**38. Kebolehasangan**

Sebarang terma, syarat, ketentuan, peruntukan, waad/perjanjian atau tanggungjawab di dalam Kemudahan ini atau mana-mana bahagian yang tidak sah, batal, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam mana-mana bidang kuasa akan berkaitan bidang kuasa tersebut tidak berkuatkuasa terhadap ketidaksahan, kebatalan, atau ketidakbolehan penguatkuasaan tersebut tidak akan menyalahkan atau menyebabkan tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan mana-mana terma, syarat, ketentuan, peruntukan, waad/perjanjian atau tanggungjawab di dalam bidang kuasa lain.

**39. Keingkaran Balasan**

Pihak Bank mempunyai hak untuk meneruskan dengan tindakan undang-undang terhadap Para Pelanggan untuk menamatkan Kemudahan tersebut dan menuntut kesemua wang yang terhutang kepada pihak Bank dibawah Kemudahan tersebut atau menahan Kemudahan tersebut sekiranya terdapat keingkaran dalam pembayaran sebarang jumlah yang terhutang oleh Pelanggan dibawah ini atau dibawah sebarang akaun lain dengan pihak Bank atau dengan sebarang institusi kewangan atau sekiranya terdapat keingkaran pembayaran sebarang jumlah yang terhutang dibawah akaun mana-mana pihak dimana Para Pelanggan adalah penjamin.

**40. Penyata dikeluarkan pihak Bank**

Para Pelanggan dengan ini secara nyata bersetuju bahawa penyata akaun yang ditandatangani oleh pengurus atau pegawai yang diberi kuasa / ejen Bank atau notis janaan komputer oleh Bank di mana tiada tandatangan diperlukan hendaklah menjadi bukti muktamad keterhutangan Para Pelanggan. Penyata akaun akan disediakan oleh pihak Bank secara tahunan melainkan sekiranya pihak Para Pelanggan membuat permohonan secara bertulis untuk mendapatkan penyata akaun pada masa yang tidak ditetapkan.

**41. Arahan-arahan menerusi Telefon atau Transmisi Faksimili atau Elektronik atau Digital**

Pihak Bank dengan ini diberi kuasa oleh pihak Para Pelanggan, tetapi tidak berkewajipan, untuk bergantung pada dan bertindak mengikut apa-apa arahan, pengesahan dan / atau lain-lain komunikasi oleh Pelanggan ("Arahan") sama ada secara lisan atau bertulis, dan sama ada melalui telefon melalui transmisi faksimili atau penghantaran elektronik atau secara digital yang mana boleh dari semasa ke masa berkenaan, yang diberikan oleh atau bagi pihak Para Pelanggan tanpa persoalan atau pengesahan di pihak Bank sebagai kepada kuasa atau identiti orang yang memberi atau yang berupa untuk memberikan Arahan. Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang tersebut di atas, Bank hendaklah berhak untuk bergantung dan bertindak ke atas sebarang Arahan berdasarkan tandatangan yang didapati oleh Bank, dengan merujuk kepada nama-nama dan tandatangan orang yang difailkan dengan Bank sebagai tandatangan Para Pelanggan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Para Pelanggan untuk mengeluarkan apa-apa jua Arahan bagi pihak Para Pelanggan, tanpa pertanyaan oleh Bank tentang identiti orang yang memberikan atau yang berupa untuk memberi Arahan atau mengenal pasti kesahihan Arahan.

Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau rakan kos (termasuk kos undang-undang) yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Para Pelanggan secara langsung atau tidak langsung yang timbul dari pemberian Arahan, mana-mana penghantaran Arahan yang gagal dan / atau kesilapan dalam penghantaran Arahan tersebut.

**42. Penyalahan Undang-Undang**

Sekiranya pihak Bank berpendapat bahawa pengenalan atau perubahan sebarang undang-undang, peruntukan atau terbitan rasmi (samada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) atau sebarang perubahan terhadap menafsiran atau pemakaian tersebut yang menjadikannya salah disisi undang-undang oleh pihak Bank untuk mengekalkan, memberi dana atau memberi kesan kepada obligasi-obligasi pihak Bank disini, pihak Bank dengan serta merta memberikan notis penamatan kepada Para Pelanggan dimana Kemudahan sehingga tahap tersebut akan dibatalkan dan Pelanggan hendaklah apabila menerima notis daripada pihak Bank dengan serta merta membayar kesemua jumlah wang yang dipersetujui untuk dibayar oleh Para Pelanggan disini termasuk kos dan fi yang terhutang. Penamatan akan berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan oleh pihak Bank dalam notis pihak Bank dan keputusan pihak Bank atas penguatkuasaan tarikh penamatan tersebut adalah muktamad.

**43. Jaminan Berterusan**

Liabiliti-liabiliti dan/atau obligasi-obligasi Para Pelanggan dibawah Kemudahan ini akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan walau apa pun apa-apa perubahan sama ada oleh sebab kebangkrupan, kematian, kegilaan, ketidakupayaan atau sebaliknya walau apa pun Para Pelanggan dan / atau apa-apa perubahan dalam penggabungan, pembinaan semula atau sebaliknya yang dibuat dalam perlembagaan Bank.

**44. Pindaan**

Terma dan Syarat dan semua ketersediaan, had, kadar keuntungan, fi dan caj bagi Kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada garis panduan daripada dan/atau dokumen-dokumen polisi BNM dan/atau mana-mana penguatkuasa yang berkenaan. Tertakluk kepada peruntukan syariah, pihak Bank berhak untuk mengubah, menambah, menghapus atau meminda Terma dan Syarat disini berdasarkan budi bicara pihak Bank dengan pemberian notis awal kepada Para Pelanggan.

**45. Perjanjian Tunggal**

Terma dan Syarat ini, Borang Permohonan dengan Surat Tawaran, Notis Pembayaran dan semua perjanjian dan dokumen lain yang dikeluarkan oleh Bank berkaitan dengan Kemudahan dan juga mana-mana arahan daripada Para Pelanggan hendaklah membentuk dan ditafsirkan sebagai satu perjanjian antara Bank dan Para Pelanggan.

**46. Undang-undang Terpakai**

Terma dan Syarat yang terkandung disini hendaklah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Pihak Para Pelanggan dengan ini bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian ataupun perbezaan pendapat tentang apa-apa jua yang berkenaan atau melibatkan Syariah, kedua-dua pihak akan merujuk perkara tersebut kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah BNM dan keputusan melibatkan perkara tersebut adalah dikira mengikat dan muktamad.

**47. Masa**

Masa dimana tersebut disini adalah intipati Terma dan Syarat ini.